

05/08/2003

`Tiada menteri terbabit PKPM'

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin tiada menteri Kabinet yang terbabit dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri menyerahkan perkara itu kepada polis untuk menyiasat sejauh mana kebenaran dakwaan berkenaan.

"Saya percaya tidak terbabit, tetapi dah kata begitu (dakwaan). Jadi, orang kata (apabila) dah sebut dan tidak siasat seolah-olah kita tidak ambil peduli.

"Saya percaya dia tidak terbabit seperti menjadi ahli dan sebagainya, mungkin ditemui oleh pihak berkenaan (PKPM)," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2003, di Dataran Putra, di sini semalam.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis memberi perhatian terhadap segala maklumat berhubung perkara itu sama ada ia dimaklumkan menerusi surat oleh individu atau laporan daripada mana-mana pihak.

"Kita tidak boleh mengatakan ia tidak apa-apa. Kita tidak mahu mengambil sikap tidak ada apa-apa, selepas itu jadi apa-apa. Jadi, polis akan menjalankan siasatan tidak kira siapa pun," katanya.

Ketua Turus Umum Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PCTM), Staff Marshall Munsyi Muslim Yacob mendakwa seorang menteri Kabinet terbabit dalam kegiatan PKPM, sebuah pertubuhan haram yang juga serpihan PCTM.

Munsyi mendakwa mempunyai maklumat dan bukti bertulis yang mencukupi menyokong dakwaannya.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Munsyi membuktikan dakwaannya.

Perdana Menteri yang menyifatkan dakwaan itu serius juga menegaskan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Munsyi jika gagal membuktikannya.

PKPM berjaya dilumpuhkan apabila polis menahan ketuanya, Nor Azami Ahmad Ghazali serta hampir 100 pemimpin kanan pertubuhan itu sejak minggu lalu. Selain itu, hampir 3,000 ahlinya menyerah diri.

Abdullah turut menafikan dakwaan kononnya polis lambat menyedari kewujudan kumpulan berkenaan, sebaliknya bertindak pantas sejourus kegiatannya.

"Polis dapat kesan kegiatan itu pada Jun lalu dan kini Ogos...itu dah cepat mengambil tindakan.

"Ini bukan perkara yang berlaku bertahun-tahun polis tidak nampak atau berbulan-bulan polis tidak nampak. Polis kita sentiasa berhati-hati dengan perkembangan seperti ini," katanya.

Ditanya laporan kumpulan itu melakukan peras ugut, Abdullah berkata, beliau masih menunggu laporan siasatan.

Beliau berkata, apabila siasatan selesai, polis akan meneruskan siasatan jika mempunyai bukti baru atau isu yang berkaitan.

"Jadi, menyatakan siasatan sudah tamat tidak bermakna polis tidak akan menyiasat apa-apa lagi jika ada fakta baru yang berkaitan dengan pertubuhan itu," katanya.